

SIARAN MEDIA

16 MAC 2016

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78

PENAFIAN TERHADAP IKLAN KAD PENJIMATAN TENAGA

Suruhanjaya Tenaga menafikan sokongan terhadap sebarang alat penjimatan tenaga (*energy saving devices*) termasuk dalam bentuk ‘Kad Jimat Tenaga’ yang didakwa boleh menjimatkan bil elektrik sehingga 35 peratus. Tindakan tidak bertanggungjawab pihak tertentu menyalahguna logo Suruhanjaya Tenaga untuk tujuan menarik perhatian pengguna membeli produk tersebut melalui laman sosial adalah amat dikesali.

Suruhanjaya Tenaga ingin menegaskan bahawa tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo Suruhanjaya.

Suruhanjaya Tenaga ingin mengingatkan bahawa cara yang paling berkesan untuk penjimatan tenaga elektrik adalah melalui penggunaan tenaga secara cekap. Sebagai panduan kepada para pengguna, domestik khususnya, Suruhanjaya Tenaga telah memperkenalkan label cekap tenaga untuk beberapa kelengkapan elektrik domestik seperti peti sejuk, kipas, TV, pendingin hawa dan mentol lampu.

Untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan tenaga yang cekap, orang ramai boleh melayari laman web www.st.gov.my atau menghubungi Unit Promosi dan Komunikasi, Jabatan Perkhidmatan Korporat di talian 03-8870 8500/8598 atau emel ke upk@st.gov.my.

-Tamat-

UNIT PROMOSI DAN KOMUNIKASI
JABATAN PERKHIDMATAN KORPORAT
SURUHANJAYA TENAGA
Tel: 03-8870 8500/8598
Emel: upk@st.gov.my